



KEMAJUAN EKONOMI NEGERI DICAPAI SECARA INKLUSIF - MB KELANTAN

ISSN 1311-6891 | JAMADILAKHIR 1446H | 22-26 DISEMBER 2024 URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

'MIDNIGHT SALES' MULA DIPERLUAS DI KELANTAN

KELANTAN SUNTIK RM15,000 UNTUK AFHAM SERTAI KEJOHANAN GOLF DUNIA DI FLORIDA

SEMINAR KETOKOHAN TOK GURU NIK AZIZ: LEGASI KEPIMPINAN ISLAM MENDUNIA

PMBI PERKUKUH PENDEKATAN TARBAWI BERPEDOMAN AL-QURAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 23 Disember — Strategi Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI) yang kini menjadi teras fasa ketiga pentadbiran Kelantan terus memperkuuh pendekatan tarbawi (pendidikan) unggul berasaskan Al-Quran dalam menghadapi cabaran era moden.

Fokus utama pendekatan tersebut adalah membentuk keperibadian generasi muda sebagai pelapis kepimpinan masa depan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan kepentingan elemen Rabbani perlu diperkasakan dalam dasar pendidikan serta program budaya komuniti di negeri ini.

Jelasnya, pendekatan tersebut dirangka berpandukan manhaj tarbawi rumusan Dr. Muhammad Said Ramadhan Al-Buthi dalam makalahnya, Kaedah Tarbawi Yang Unggul Berpandukan Al-Quran.

"Cabaran di hadapan kita semakin hebat, terutama dalam mempengaruhi gaya hidup anak muda. Oleh itu, elemen Rabbani mesti diperkasakan melalui dasar pendidikan dan program komuniti yang menerapkan manhaj tarbawi berpandukan Al-Quran."



berpandukan Al-Quran," ujar beliau ketika merasmikan Seminar Ketokohan Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat, anjuran Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) di Dewan Johor KIAS.

Beliau turut menjelaskan perjalanan pentadbiran Kelantan melalui tiga fasa; pertama, memulakan perubahan, kedua, merakyatkan dasar dan ketiga, memperkasakan penghayatan melalui pendekatan Qurani, seiring legasi mantan Menteri Besar almarhum Tok Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat (ATGNA).

Mengulas lanjut, Dato' Mohd Nassuruddin menjelaskan bahawa kaedah tarbawi rumusan Al-Buthi melibatkan tiga pendekatan utama;

pertama, penilaian akal iaitu al-Quran membimbing akal manusia melalui dialog dan kaedah sesuai dengan tahap pemahaman manusia.

Kedua, kisah-kisah dan sejarah yang merujuk naratif dalam Al-Quran sarat dengan nasihat untuk membentuk jati diri.

Manakala ketiga, rangsangan emosi yang menekankan unsur perasaan dalam al-Quran mendorong kepada kebaikan dan pengamalan agama dari sudut galakan berbuat kebaikan akan diberi ganjaran pahala dan menjadi insan yang dikasihi oleh Allah SWT.

"Modul dan program yang menjurus kepada pelaksanaan kaedah tarbawi ini hendaklah diperluas di setiap jabatan dan agensi ker-


“

Cabaran di hadapan kita semakin hebat, terutama dalam mempengaruhi gaya hidup anak muda. Oleh itu, elemen Rabbani mesti diperkasakan melalui dasar pendidikan dan program komuniti yang menerapkan manhaj tarbawi berpandukan Al-Quran.”

jaan. Cahaya Al-Quran mesti tersusun meresapi hati rakyat Kelantan agar menjadi benteng kukuh dalam menghadapi cabaran akidah dan akhlak,” hurainya.

Dato' Mohd Nassuruddin turut berharap agar seminar itu menjadi pemangkin kepada usaha menehadani warisan ketokohan ATGNA serta membawa impak positif terhadap pengamalan Islam dalam masyarakat.

Beliau yakin, pendekatan bersepada tersebut mencerminkan komitmen Kelantan dalam memastikan dasar PMBI kekal relevan dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat sejajar dengan matlamat negeri untuk menjadi model pembangunan Rabbani yang berjaya di dunia dan akhirat.



KELANTAN MOHON PERUNTUKAN YANG SUDAH DILULUSKAN KERAJAAN PUSAT DISEGERAKAN - TMB



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 24 Disember - Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr. Mohamed Fadzli Hassan menyeru Kerajaan Pusat agar mempercepatkan pelaksanaan peruntukan yang telah diluluskan,

khususnya projek berkaitan kebajikan rakyat seperti pembinaan benteng banjir dan usaha menangani bencana.

Seruan itu dibuat susulan kenyataan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, yang menegaskan bahawa kerajaan persekutuan bersikap adil terhadap semua negeri, termasuk negeri pembangkang, dalam menyalurkan peruntukan pembangunan dan bantuan bencana.

"Kita (Kelantan) pun bukan mahu peruntukan sama dengan negeri lain, jika orang lain lebih memerlukan berilah kepada mereka. Namun, apa yang kita perlukan,

sepertinya ber sebagaimana kita menghormati semangat federalisme," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Media sebelum ini melaporkan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim menyatakan kerajaan persekutuan telah menambah peruntukan kepada negeri-negeri yang terkesan akibat bencana.

Untuk Kelantan, peruntukan bagi tahun 2025 meningkat kepada RM429.05 juta berbanding RM380.26 juta pada tahun 2024.

Tindakan tersebut menurut Perdana Menteri, bertujuan memastikan masalah rakyat yang terkesan dapat ditangani dengan lebih baik

dan pantas.

Sehubungan itu, Dato' Dr. Mohamed Fadzli berharap agar pelaksanaan peruntukan itu segera direalisasi demi memastikan projek pembangunan dan pengurusan bencana di Kelantan dapat memberi manfaat secara langsung kepada rakyat.



KELANTAN BANGGA PRODUK KELUARAN SYARIKAT BUMIPUTERA TEMBUSI PASARAN AMERIKA SYARIKAT- EXCO PELABURAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 18 Disember - "Kerajaan Negeri Kelantan berbangga apabila produk keluaran syarikat bumiputera iaitu I-Medikal Pharma Holding Berhad berjaya menembusi pasaran New York, Amerika Syarikat," kata Exco Pelaburan, Perindustrian, Sumber Manusia, Perdagangan dan Keusahawanan YB Mejar (B) Dato' Md Anizam AB Rahman.

Beliau menjelaskan bahawa kejayaan produk tersebut menembusi pasaran Amerika Syarikat dan merupakan satu perkembangan yang menarik kerana ia satu-satunya produk keluaran syarikat bumiputera dari Malaysia yang berjaya menembusi pasaran di sana.

"Kita bangga kerana produk LX-Hydro keluaran I-Medikal ini dijangka akan masuk ke pasaran New York, Amerika Syarikat pada bulan Januari 2025. Ini merupakan satu perkembangan yang menarik."

"Produk ini merupakan satu produk kesihatan yang boleh mengembalikan tenaga kepada kita selepas bekerja dan sebagainya."

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Pelancaran Produk "Dari Kota Bharu ke New York" di Wisma I-Medikal, hari ini.



Tambah beliau lagi, Kerajaan Negeri Kelantan menyokong produk ini menembusi pasaran Amerika Syarikat kerana negara tersebut sudah terkenal di seluruh dunia.

"Apabila Amerika menerima produk ini, insya Allah, negara-negara lain akan turut sama menerima produk keluaran syarikat I-Medikal ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif I-Medikal, Azman Abdul Jalil menjelaskan bahawa pemilihan Amerika Syarikat sebagai negara pertama untuk mengeksport produk tersebut adalah disebabkan

negara tersebut mempunyai pasaran yang luas, terbuka serta kuasa beli rakyatnya tinggi. Manakala populasi penduduknya juga tinggi berbanding negara lain.

Kata beliau lagi, sokongan daripada pihak kerajaan negeri seperti Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Exco Pelaburan telah memberi semangat dan suntikan kepada syarikat tersebut berusaha untuk mencapai kejayaan.

Untuk rekod, produk LX-Hydro merupakan satu minuman kesihatan premium yang dicipta

untuk mengekalkan tenaga. Ia didatangkan dengan empat perisa iaitu oren, strawberry, anggur dan epal.

Produk ini sesuai untuk individu yang aktif fizikal, atlet dan golongan yang mengalami dehidrasi akibat cuaca panas atau penyakit.

Hadir sama, Presiden I-Medikal Pharma Holding Berhad, Yusmat Mamat, Timbalan Presiden I-Medikal Pharma Holding Berhad, Hasnah Zakaria, Pengarah MATRADE, Zaimah Osman, Pengarah MITI Pahang, Lee Meng Tat dan Pengarah MIDA Kelantan, Wan Mohd Supian Wan Deris.

'MIDNIGHT SALES' MULA DIPERLUAS DI KELANTAN

Oleh: Saliemin Khesa


KOTA BHARU, 26 Disember - Acara 'Midnight Sales' (Jualan Tengah Malam) bersempena kempen Malaysia Year End Sale (MYES) 2024 akan diperluaskan di Kelantan bagi menggalakkan pelancong antarabangsa, terutama dari negara sempadan untuk berbelanja dan bermalam di Kelantan.

Menurut Exco Pelancongan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, YB Datuk Kamarudin Md Nor, inisiatif kerajaan negeri dengan kerjasama Tourism Malaysia itu memfokuskan kepada pelancong dari Singapura dan Thailand untuk berkunjung ke negara Malaysia terutamanya di Pantai Timur.

"Saya difahamkan seramai 100 pelancong dari Selatan Thailand mengunjungi 'Midnight Sales' di Kelantan, pada hari ini (Selasa).

"Kedatangan mereka selama dua hari satu malam adalah melalui jualan pakej yang dibangunkan oleh Matta Kelantan Chapter sempena kempen ini.

"Inisiatif ini memfokus kepada pelancong di sempadan negara yang diharap memanjangkan tem-



poh keberadaan mereka di negara ini, termasuk bermalam di hotel," katanya ketika ditemui pada majlis pelancaran 'Midnight Sales' bersempena kempen MYES di sebuah pasar raya, di sini, pada Selasa.

Turut hadir, Pengarah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC) Negeri Kelantan Mohd Aidil Afizie Daud serta Pengarah Tourism Malaysia Wilayah Timur Mohd Azizul Arif

Yahya.

Dalam perkembangan lain, beliau memaklumkan, kerajaan negeri juga tidak melepaskan peluang dalam mempromosikan dan melancarkan Pesta Makanan Musim Tengkujuh pada Januari 2025.

Katanya, ia sebagai satu tarikan pelancongan terutamanya dari segi tawaran menu makanan yang hanya muncul pada ketika itu.

"Hujan tetap hujan.. kita per-

lu berfikir di luar kotak bagaimana mahu menghidupkan kegiatan pelancongan meskipun dalam musim tengkujuh.

"Insya Allah, pada 10 Januari ini, Pesta Makanan Musim Tengkujuh akan dilancarkan di Pasir Mas kerana kita sedia maklum, ada beberapa menu yang hanya ada ketika musim tengkujuh.

"Contohnya, putu halba, ubi tonyoh dan ikan budu," katanya.

PENGANJUR TARIAN TIDAK SOPAN DI DEWAN SEKOLAH BERDEPAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG



Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 23 Disember – Penganjur majlis makan malam yang menampilkan tarian gelek dan aksi tidak sopan oleh seorang wanita di khalayak ramai bakal berdepan tindakan tegas.

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar YB Hilmi Abdullah berkata penganjur majlis makan malam syarikat perlom-

bongan emas yang berlangsung di dewan sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Tanah Merah itu berlangsung semalam tanpa sebarang permohonan permit hiburan.

Menurutnya, Majlis Daerah Tanah Merah (MDTM) telah diarahkan menjalankan siasatan segera terhadap penganjuran acara yang melanggar peraturan tersebut.

"Saya sendiri baru mengetahui perkara ini semalam dan siasatan sedang dijalankan. Penganjur dan pihak sekolah akan dipanggil untuk memberi keterangan," katanya ketika dihubungi.

Beliau menjelaskan, semakan MDTM juga mendapati tiada permohonan permit dibuat untuk majlis itu, yang dihadiri majoritinya oleh pelombong dari Tanah Besar

China serta pekerja dan tetamu tempatan, termasuk individu beragama Islam.

"Acara tersebut secara jelas melanggar Seksyen 6 Enakmen Hiburan dan Kawalan Tempat Hiburan 1998 kerana diadakan tanpa lesen. Penganjur boleh dikenakan denda sehingga RM20,000 atau penjara lima tahun, atau kedua-duanya sekali," tegasnya.

Video acara tersebut yang tular di media sosial telah mencetuskan kecaman orang ramai, terutama terhadap penyalahgunaan dewan sekolah bagi aktiviti tidak beretika.

"Tindakan ini amat dikesali kerana hiburan tidak bermoral seperti itu diadakan di dewan sekolah. Mana-mana dewan sekolah tidak wajar dijadikan lokasi untuk aktiviti tidak bermoral seperti tarian lucu dan hidangan minuman beralko-

hol," ujarnya lagi.

Sebagai peringatan, YB Hilmi menasihati penganjur acara sambutan Tahun Baharu 2025 agar membuat permohonan awal bagi mendapatkan permit hiburan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Permohonan lewat tidak akan dilayan. Kejahilan terhadap peraturan bukan alasan pembelaan. Setiap kerajaan ada undang-undangnya dan pihak berkenaan harus mematuhiinya."

"Enakmen Hiburan dan Kawalan Tempat Hiburan Negeri Kelantan 2024 baru diluluskan dalam sidang DUN baru-baru ini telah menambah hukuman bagi membendung kes-kus hiburan tanpa permit sebegini. Enakmen ini akan mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2025," katanya.

KELANTAN SUNTIK RM15,000 UNTUK AFHAM SERTAI KEJOHANAN GOLF DUNIA DI FLORIDA

Oleh: Asri Hamat

KOTA DARULNAIM, 24 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan melalui Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) menyerahkan dana sebanyak RM15,000 kepada pemain golf remaja dari Gua Musang, Muhamad Afham Othman sebagai persediaan menyertai Kejohanan Golf Piala Dunia Remaja 2025 di Florida, Amerika Syarikat.

Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat YB Zamakhshari Muhamad menyatakan komitmen kerajaan negeri untuk terus menyokong bakat muda Kelantan dalam arena sukan antarabangsa.

Beliau menyerahkan sumbangan berkenaan kepada Afham dalam satu majlis ringkas di sebuah hotel di Kota Bharu, pada Selasa.

“Adik Afham, meskipun baru berusia 13 tahun, sudah membuktikan potensi luar biasa dalam sukan golf. Beliau bukan sahaja menjadi kebanggaan Gua Musang tetapi sim-



bol kejayaan anak muda Kelantan yang bakal mengharumkan nama negeri dan negara di pentas dunia,” catatnya melalui laman sosial.

Afham, yang diiringi bapanya, Othman Ismail dan jurulatihnya, Dinie Zakie, dijadualkan berlepas ke Amerika Syarikat pada Rabu ini. Kejohanan tersebut akan berlangsung dari 3 hingga 5 Januari tahun depan.

Mereka berjaya mengumpul dana sebanyak RM50,000 untuk menampung kos perjalanan.

RM15,000 disumbangkan oleh kerajaan negeri, manakala selebihnya diperoleh daripada badan bukan kerajaan (NGO) dan Persatuan Golf Doremi.

Muhamad Afham mencuri perhatian dunia apabila muncul sebagai naib johan di Kejohanan Golf Remaja Mazda 2024 di Thailand pada November lepas. Kemenangan tersebut melayakkan beliau ke Kejohanan Golf Piala Dunia Remaja di Florida.

Lebih membanggakan, Afham

bukan sahaja cemerlang di lapangan golf tetapi juga seorang hafiz muda, yang kini telah menghafaz lima juzuk Al-Quran.

“Afham adalah inspirasi anak muda. Kami doakan kejayaan beliau di Florida kelak dan berharap beliau akan terus membawa nama Kelantan dan Malaysia ke mercu kecemerlangan,” jelas YB Zamakhshari.

Turut hadir, Ketua Pengarah Eksekutif Kumpulan PKINK, Dato’ Sr. Zamri Ismail.

BANJIR DI KELANTAN CATAT NILAI KERUGIAN RM300 JUTA



Oleh: Saliemin Khesa

KOTA BHARU, 18 Disember - Bencana banjir yang melanda negeri Kelantan bermula 28 November lepas mencatat nilai kerugian melampaui RM300 juta, setakat ini.

Menurut Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato’ Dr Mohamed Fadzli Dato’ Hassan, nilai kerugian itu dikira berdasarkan kemusnahan infrastruktur, pertanian dan rumah yang musnah akibat bencana banjir.

Katanya, kerajaan negeri akan

membuat penilaian kepada semua mangsa banjir bagi membolehkan bantuan diagihkan mengikut kelayakan dan jumlah yang ditanggung mereka.

“Anggaran kasar kerajaan negeri setakat ini sahaja sudah melebihi RM300 juta.

“Bagi urusan membaik pulih, kerajaan negeri membantu sahaja Kerajaan Persekutuan sebab jumlahnya (nilai kerugian) begitu besar.

“Jadi kita ambil pengalaman daripada kejadian bencana pada

tahun 2014, kita akan lihat siapa yang layak dan setakat mana kelayakkannya,” katanya ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Kelantan di Kompleks Kota Darulnaim, di sini pada Rabu.

Tambah beliau, pihaknya telah memperuntukkan setengah daripada bantuan tersebut kepada wakil rakyat untuk diagihkan kepada mangsa banjir bagi setiap kawasan yang terjejas sebagai permulaan.

Dalam perkembangan lain, be-

liau memaklumkan pihaknya telah mendapatkan laporan awal daripada Jabatan Pengairan Saliran (JPS) Negeri Kelantan berkaitan kejadian tebing runtuh di Sungai Kelantan berhampiran bangunan kondominium di Kota Bharu.

“Berdasarkan laporan yang kita terima, kerajaan negeri telah memutuskan bahawa kejadian ini adalah sebagai satu bencana atau diistilahkan sebagai darurat.

“Apabila kita istiharkan bencana, maka kita kena segera perbaiki.

“Sekiranya kita tiada peruntukan, kita kena adakan dan ia akan melibatkan kerjasama bersama Menteri Ekonomi,” katanya.

Sebelum ini, media melaporkan satu kejadian tanah runtuh telah berlaku di satu kawasan di tebing Sungai Kelantan menyebabkan runtuh sepanjang lebih 50 meter dikesan sekali gus mengakibatkan laluan pejalan kaki di lokasi itu terhumban ke bawah.

PEMBINAAN JAMBatan SEMENTARA TEMALIR SIAP 40 PERATUS

Oleh: Norzana Razaly

KUALA KRAI, 26 Disember - Usaha berterusan Ahli Parlimen Kuala Krai YB Abdul Latiff Abdul Rahman, dalam memperjuangkan hak rakyat untuk keselesaan pengguna Jambatan Temalir kini berhasil mencapai status kemajuan semasa pembinaan pada kadar 40 peratus.

Menurut YB Abdul Latiff, kerja-kerja pemasangan cerucuk bagi jambatan sementara sedang giat dijalankan dan bakal menyediakan laluan lebih selamat untuk penduduk setempat.

Projek ini merupakan lanjutan daripada usaha YB Abdul Latiff yang telah memohon kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) untuk membaiki atau membina semula jambatan di kawasan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).

Sebelum ini, jambatan tersebut dibina secara bergotong-royong oleh penduduk dengan menggunakan batang pokok kelapa dan kayu, tetapi mengalami kerosakan teruk akibat banjir besar pada tahun 2014.

Pada 6 Mac 2023, Timbalan Menteri KKDW, YB Datuk Rubiah Wang memaklumkan bahawa projek pembinaan Jambatan Temalir yang menghubungkan Kampung Temalir Lama ke Rancangan Pemimpinan Tersusun (RPT) Temalir telah diluluskan di bawah program



Pembangunan Jambatan Luar Bandar dengan peruntukan sebanyak RM10.9 juta.

“Projek ini melibatkan pembinaan jambatan sepanjang 80 meter dan jalan tuju sejauh 400 meter mengikut piawaian JKR R2. Kerja-kerja pembinaan telah dimulakan tahun ini dan dijangka siap sepenuhnya menjelang penghujung tahun 2025. Pihak KKDW juga akan membaiki struktur asas jambatan ('kepala' jambatan) terlebih dahulu untuk memastikan keselamatan pengguna sebelum jambatan baharu siap sepenuhnya,” kata YB Abdul Latiff, ketika dihubungi, hari ini.

Tambahnya, pembinaan jambatan baharu menghubungkan Kampung Belanga ke Kampung Temalir, akan bermula Januari 2025.

Beliau turut merakam penghargaan kepada KKDW atas kelulusan projek ini dan berharap pembinaan jambatan baharu tersebut dapat mengakhiri kesulitan yang dihadapi penduduk Kampung Temalir

di kawasan Dewan Negeri Manek Urai.

“Kita harap pembinaan fasiliti ini membawa perubahan positif kepada mobiliti penduduk setempat dan menyumbang kepada pembangunan kawasan luar bandar,” ulasnya.

Dalam perkembangan sama, YB Abdul Latiff turut berkongsi berita gembira berkenaan pelbagai pembangunan infrastruktur di kawasan luar bandar, khususnya di Kuala Krai yang sedang giat dilaksanakan, termasuk menaik taraf jambatan, sistem bekalan air, serta pembinaan jalan dan jambatan baharu.

“Antara projek utama ialah menaik taraf jambatan di RPT Chuchoh Puteri A, Kuala Krai, yang terjejas akibat bencana banjir. Dengan peruntukan sebanyak RM3 juta melalui KESEDAR, projek ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 4,500 penduduk. Pelaksanaan akan bermula pada tahun 2025.

Projek menaik taraf sistem bekalan air luar bandar (BALB) di Kam-



pung Manek Urai dan kawasan sekitar juga sudah dirancang dengan kos keseluruhan RM70 juta. Projek ini merangkumi pembinaan tangki baharu, rumah pam, dan sistem agihan sejauh 40km yang akan memberi manfaat kepada lebih 6,400 akaun pengguna. Pelaksanaan perlu dijangka selesai menjelang tahun 2026,” jelasnya.

Bagi menyokong aktiviti pelancongan pula, beliau menjelaskan bahawa usaha sedang dijalankan untuk menaik taraf Kompleks Gua Ikan di Dabong. Kerajaan bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan KESEDAR bagi mempercepatkan pembangunan infrastruktur berkaitan.

Di samping itu, pembinaan jalan dan jambatan konkrit dari Kampung Enggong ke Kampung Sungai Emas dengan peruntukan RM49.5 juta. Manakala naik taraf jambatan keluli di Kampung Bahagia dengan kos RM5 juta pula dalam peringkat reka bentuk terperinci.

PETRA ADAKAN LAWATAN KERJA KE LRA BUKIT REMAH



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 19 Disember - Ekoran kerosakan Loji Rawatan Air (LRA) Bukit Remah serta gangguan cerun, Kementerian Per-

alihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) telah mengadakan lawatan kerja ke LRA tersebut pada Selasa.

Delegasi PETRA diketuai Setiausaha Bahagian Kanan (Pengu-

rusan), Dato' Mohd Norhisyam Musa diiringi Exco Kerjaraya, Infrastruktur, Air dan Pembangunan Luar Bandar, YB Dato' Dr Izani Husin dan timbalannya YB Saizol Ismail.

Selain itu, wakil-wakil agensi seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) dan Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB) juga menyertai lawatan tersebut.

Dalam lawatan tersebut, pihak AKSB telah membentangkan keadaan semasa gangguan pada cerun tersebut akibat pergerakan tanah.

Pihak AKSB juga turut menjelaskan pelan tindakan segera yang akan diambil bagi membaiki dan menstabilkan struktur cerun bagi memastikan keselamatan dan kelancaran operasi LRA tersebut.

Taklimat disampaikan oleh Ketua Jabatan Operasi AKSB, Azlee Aladin @ Azhar.

Dato' Dr Izani menerusi catatan di media sosial miliknya pada pada Rabu, merakam penghargaan dan terima kasih kepada PETRA dan semua agensi yang bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Kelantan dalam usaha untuk menangani permasalahan tersebut.

KEMAJUAN EKONOMI NEGERI DICAPAI SECARA INKLUSIF - MB KELANTAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 19 Disember — Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memastikan kema-juan ekonomi negeri dicapai secara inklusif dengan kesejahteraan rakyat sebagai teras utama pembangunan.

Menteri Besar Kelantan YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan perkara itu selepas mempengerusikan Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan kali ke-26 yang berlangsung di Kompleks Kota Darulnaim, pada Rabu.

Menurutnya, muzakarah tersebut berfungsi sebagai platform penting untuk merangka dasar bahu dan strategi berimpak tinggi bagi memastikan pembangunan Kelantan terus berkembang secara



lestari dan berdaya tahan.

“Antara fokus utama kali ini adalah memperkuuh sektor ekonomi melalui inisiatif yang lebih kompetitif, menarik pelaburan strategik, serta menyediakan peluang pekerjaan yang lebih meluas kepada rakyat Kelantan,” katanya dalam catatan di media sosial semalam.


Dalam mesyuarat tersebut, pelbagai aspek pembangunan negeri turut dibincangkan, termasuk memacu sektor pelancongan, pertanian moden, dan pembangunan infrastruktur mampan.

Tambahnya, kerajaan negeri juga menitik berat agenda kemakmuran rakyat dengan menambah baik kualiti kehidupan melalui

penyediaan perkhidmatan asas yang efisien, pendidikan yang inklusif dan inisiatif kebajikan yang komprehensif.

“Kelantan sedang bergerak ke arah negeri yang lebih maju, namun prinsip keseimbangan dunia dan akhirat tetap menjadi tunjang dalam setiap perancangan yang dilaksanakan,” ujarnya.

SEMINAR KETOKOHAN TOK GURU NIK AZIZ: LEGASI KEPIMPINAN ISLAM MENDUNIA



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 23 Disember — Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud mengakui selama 23 tahun di bawah kepimpinan almarhum Tan Sri Tuan Guru Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat (AT-GNA), Kelantan telah melalui satu era kepemimpinan yang sarat dengan mesej, nilai, dan qudwah yang kekal menjadi pedoman kepada rakyat.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan Seminar Ketokohan

Tok Guru Tan Sri Dato' Bentara Setia Nik Abdul Aziz Nik Mat anjuran Institut Pemikiran Tok Guru (IPTG) dan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) di Dewan Johor KIAS, hari ini.

Menurutnya, ATGNA dikenali sebagai tokoh dunia yang ketokohnannya melangkaui sempadan agama, politik, dan bangsa.

“Keperibadian Rasulullah SAW menjadi ikutan dalam setiap aspek kehidupan ATGNA, khususnya dalam pentadbiran negeri.

“Tokoh tersohor itu pernah disenaraikan di tangga ke-42 dalam “500 Muslim Paling Berpengaruh

di Dunia”, mencerminkan pengiktirafan global terhadap sumbangannya. Seni dakwah yang dipraktikkan oleh ATGNA amat berkesan dan meninggalkan kesan mendalam di hati mereka yang mendengar,” jelasnya.

Beliau turut menegaskan bahawa legasi dasar Membangun Bersama Islam (MBI) yang diilhamkan oleh ATGNA yang telah berjaya merakyat itu perlu diteruskan dan diperhalusi dalam fasa baharu pentadbiran negeri, iaitu Penghayatan Membangun Bersama Islam (PMBI).

Setiap tindakan dan prinsip AT-

GNA mencerminkan penghayatan al-Quran dan Sunnah yang jauh dari sifat retorik.

“Kita harus bekerja secara kolektif untuk memastikan kelangsungan dan kecemerlangan pentadbiran di bawah dasar ini.

“Dokumen Induk Penghayatan Membangun Bersama Islam mestii menjadi rujukan utama supaya setiap perancangan selaras dengan garis panduan syariat Allah SWT,” ujarnya.

Dato' Nassuruddin juga memuji penganjuran seminar oleh IPTG dan KIAS yang berjaya mengumpulkan pelbagai pihak, termasuk ahli akademik, pemimpin kerajaan, dan badan bukan kerajaan serta siswa-siswi untuk mendalami ketokohan ATGNA itu terus dikaji dari sudut pemikiran, kepimpinan, dan seni dakwahnya.

Beliau berharap seminar itu dapat memperkuuh kefahaman masyarakat terhadap nilai dan perjuangan Islam yang ditinggalkan ATGNA, sekali gus menjadi inspirasi kepada penerus legasi kepimpinan negeri.

KELANTAN KOMITED PASTIKAN PENDIDIKAN TERBAIK UNTUK ANAK NEGERI



Oleh: Norzana Razaly

KOTA BHARU, 23 Disember — Kerajaan Negeri Kelantan terus memperkuuh komitmennya dalam menyediakan peluang pendidikan berkualiti kepada anak-anak negeri melalui pelbagai inisiatif berasrama dan pinjaman pendidikan.

Menteri Besar Kelantan YAB Ustaz Dato' Panglima Perang Ustaz Dato' Mohd Nassuruddin Daud menegaskan bahawa pen-

didikan merupakan teras utama dalam pembangunan modal insan, dengan pelajar menjadi harapan negeri untuk mencorak masa depan yang lebih gemilang.

“Kerajaan Negeri melalui Yayasan Kelantan Darulnaim (YAKIN) sentiasa berusaha memastikan anak-anak Kelantan mendapat peluang pendidikan terbaik, sama ada dalam bentuk pinjaman atau biasiswa.

“Ini adalah amanah besar yang

dipikul demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan negeri,” katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Lembaga Pemegang Amanah YAKIN Bil. 2/2024, di sebuah hotel di sini, pada Ahad.

Beliau menekankan keyakinan kerajaan negeri bahawa pelaburan dalam pendidikan akan membawa kesan besar terhadap pembangunan negeri melalui kelahiran generasi yang berilmu dan berakhlik mulia.

“Kita menyeru semua pelajar agar merebut peluang ini dan berusaha mencapai kecemerlangan akademik, seterusnya mengharumkan nama negeri di peringkat lebih tinggi.”

Untuk rekod, YAKIN merupakan institusi utama yang menguruskan biasiswa dan pinjaman pendidikan di Kelantan, memainkan peranan penting dalam meningkatkan akses pendidikan kepada rakyat negeri ini.

KELANTAN TIDAK BERKOMPROMI TERHADAP PIHAK MELANGGAR UNDANG-UNDANG-TMB



Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 26 Disember — Kerajaan Negeri Kelantan memandang serius dan tidak sesekali berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang berkaitan penganjuran hiburan tanpa lesen, catat YB Timbalan Menteri Besar, YB Dato' Dr Mohamed Fadzli Hassan melalui media sosial miliknya pada Rabu.

Mengulas mengenai penganjuran majlis makan malam tahunan dan hiburan tidak sopan oleh CNMC Mining Group Sdn. Bhd. di

SJK (C) Yung Cheng, Tanah Merah baru-baru ini, YB Dr Mohamed Fadzli berkata, tindakan tersebut jelas melanggar Enakmen Kawalan Hibruan 1998.

“Penganjuran majlis tersebut jelas melanggar Enakmen Kawalan Hiburan 1998 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ini juga termasuk penganjuran hiburan tidak sopan serta penyediaan minuman keras tanpa kebenaran,” ujarnya.

Tambah beliau lagi, kompaun sebanyak RM10,000 telah dikenakan ke atas penganjuran program tersebut dan perlu dijelaskan dalam masa tujuh hari.

“Kegagalan menjelaskan kompaun tersebut dalam masa yang ditetapkan akan membawa kepada pendakwaan di mahkamah dan hukuman yang lebih berat akan dikenakan,” jelasnya.

Beliau turut menyeru kepada semua pihak agar sentiasa mematuhi peraturan demi memastikan keharmonian di Kelantan terus diperlihara.

KESALAHAN MENGADAKAN HIBURAN TANPA LESEN DAN MELANGGAR PERATURAN TEMPATAN

Enakmen Kawalan Hiburan 1998 & Akta Kerajaan Tempatan 1976

Maklumat Kes

- Aktiviti: Majlis Makan Malam Tahunan oleh Syarikat CNMC Mining Group Sdn. Bhd.
- Lokasi: SJK (C) Yuk Cheng, Tanah Merah, Kelantan.

Kesalahan

- Tidak memohon lesen hiburan, boleh dikenakan denda hingga RM20,000 atau penjara 5 tahun (seksyen 6(1)(a) Enakmen)
- Melanggar peraturan tempatan :
 - Hiburan tidak sopan (UUK 15(1))
 - Hidangan minuman memabukkan tanpa kebenaran (UUK 15(2)).

Tindakan

- Kompaun: RM10,000.00
- Bayaran: Dalam tempoh 7 hari dari tarikh notis.
- Kegagalan bayar: Pendakwaan – Penjara hingga 5 tahun, denda hingga RM20,000, atau kedua-duanya.
- Arah: Hadir segera ke Bahagian Penguatkuasa MDTM untuk menjelaskan kompaun

KELANTAN CARUM 752 SURI RUMAH DI BAWAH SKIM KESELAMATAN

Oleh: Norzana Razaly

KOTA DARULNAIM, 16 Disember – Kerajaan Negeri Kelantan terus komited memastikan kebaikan golongan suri rumah terpelihara melalui pelaksanaan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) kelolaan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita YB Rohani Ibrahim berkata, tahun ini, sebanyak 752 suri rumah di seluruh Kelantan telah dipilih untuk menerima caruman penuh RM120 bagi tempoh setahun di bawah inisiatif Skim Cakna Suri.

Menurutnya, sejak diperkenalkan pada tahun 2020, Skim Cakna Suri telah memberi manfaat kepada 27,671 suri rumah di Kelantan.

Inisiatif tersebut bertujuan memberikan perlindungan keselekaman sosial yang komprehensif, sekali gus menghargai peranan penting suri rumah dalam pembangunan keluarga dan masyarakat.

“Kita harap selepas tempoh



perlindungan ini tamat, suri rumah dapat menyambung sendiri caruman ini sebanyak RM10 sahaja sebulan yang kita kira sangat minimum sebagai tanda kesedaran dan pelaburan untuk kesejahteraan masa depan mereka sendiri,” katanya ketika merasmikan program di Dewan Teratai, Kompleks Kota Darulnaim, hari ini.

Mengulas lanjut, YB Rohani menegaskan bahawa pelaksanaan SKSSR adalah tindakan proaktif Kelantan dalam memastikan kebaikan suri rumah terus diberi keutamaan, menjadikan mereka sebagai tonggak kesejahteraan negeri.

“Langkah ini merupakan satu manifestasi komitmen kerajaan negeri dalam melindungi golongan suri rumah daripada sebarang situasi tidak dijangka,” ujarnya.

Sementara itu, Pengarah Urus setia Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita (U-KeKwa), Ilvira Mohd Dasuki menjelaskan bahawa penerima Skim Cakna Suri tahun ini dipilih melalui proses pernilian rapi bersama pihak U-KeKwa dan PERKESO.

“Skim ini adalah pengiktirafan kepada ketabahan dan pengorbanan suri rumah yang menjadi nadi kepada institusi keluarga dan masyarakat. Ia juga memberi perlindungan sosial yang membolehkan mereka menjalani kehidupan dengan lebih terjamin,” jelasnya.

Seorang penerima skim tersebut, Siti Fatimah Yusuf, 40, dari Tendong, menyatakan kesyukuran dan berterima kasih atas bantuan kerajaan negeri.

“Terima kasih kerana ambil berat tentang kebaikan suri rumah sepenuh masa seperti saya. Tahun ini kerajaan negeri tolong bayar RM120 setahun skim perlindungan ini. Bulan 12 tahun depan, saya ikhtiar bayar RM10 sebulan untuk lanjutkan tempoh perlindungan selama setahun lagi,” katanya ketika ditemui selepas majlis.

PERAKAN SUMBANG RM 160,000 BANTU MANGSA BANJIR DI KELANTAN



Oleh: Saliemin Khesa

KOTA BHARU, 15 Disember – Persatuan Anak Kelantan Perantauan Malaysia (PERAKAN) menyumbang hampir RM160,000 untuk membantu lebih mangsa yang terjejas banjir terutamanya di Kelantan.

Menurut Exco Kebajikan, Pembangunan Keluarga dan Wanita, YB Rohani Ibrahim, sumbangan tersebut yang berupa barang keperluan diagihkan kepada mangsa-

mangsa banjir di 35 DUN dengan melibatkan seramai 150 orang sukarelawan daripada 45 cawangan PERAKAN seluruh negara.

“Alhamdulillah, kita (kerajaan negeri) sangat berterima kasih kepada PERAKAN Malaysia kerana sudi untuk turun bersama-sama dalam menjayakan misi bantuan banjir ini.

“Kerajaan negeri juga amat menghargai jasa PERAKAN Malaysia yang bersemangat dalam misi ini sekaligus dapat merin-

gankan bebanan yang ditanggung mangsa banjir di Kelantan.

“InnsyaAllah, Kerajaan Negeri Kelantan mengalu-alukan mana-mana agensi atau sukarelawan yang ingin turut serta dalam memberikan bantuan atau sumbangan kepada mangsa-mangsa banjir terutama di Kelantan,” katanya pada majlis Misi Bantuan Kebajikan Banjir Kelantan 2024 di Kediaman Rasmi Menteri Besar Kelantan, di sini pada Ahad.

Turut hadir, Ahli Parlimen Kota

Bharu, YB Datuk Seri Takiyuddin Hassan, Ahli Dewan Negeri Pasir Tumboh, YB Dato’ Abd Rahman Yunus serta Presiden PERAKAN Malaysia, Dato’ LJT Sr Dr Wan Aminuddin Wan Husin.

Misi Bantuan Kebajikan Banjir Kelantan 2024 itu digerakkan dan dimeriahkan dengan kehadiran 50 buah jentera jenis trak pikap (Toyota Hilux) yang membawa barang keperluan harian kepada mangsa-mangsa banjir yang akan diagihkan.





KELANTAN KOMIT PASTIKAN PENDIDIKAN TERBAIK UNTUK ANAK NEGERI

Buletin دارالنعيم DARULNAIM MINGGUAN

ISSN 1311-6891 | JAMADILAKHIR 1446H | 22-26 DISEMBER 2024

URUS SETIA PENERANGAN DAN KOMUNIKASI NEGERI KELANTAN

MAIS SUMBANG RM348,000 BANTU MANGSA BANJIR DI KELANTAN

Oleh: Asri Hamat

KOTA BHARU, 15 Disember— Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) turut menghulurkan sumbangan berupa bekalan makanan dan keperluan lain yang berjumlah RM348,000 untuk membantu mangsa banjir di Kelantan.

Sumbangan tersebut diserahkan oleh Pengarah Strategik Korporat MAIS Zaharudin Salim kepada Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) Dato' Mohd Anis Hussein di Masjid Jamek Sultan Mansor, Kampung Sireh, Kota Bharu pada Jumaat.

MAIK dalam satu kenyataan di laman sosial miliknya amat menghargai dan mengucapkan terima kasih kepada MAIS atas sumbangan tersebut.

"Terima kasih kepada pihak MAIS kerana sentiasa prihatin dengan nasib rakyat Kelantan ter-



utama kepada mangsa yang terlibat dengan banjir. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu jasa kalian," kata kenyataan tersebut.

Hadir sama dalam majlis penyerahan tersebut, Setiausaha MAIK Muhamad Rasani Ramli dan Pengurus Besar Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE) Mohd Azali Abdullah.

MAIS menerusi Skuad Priha-

tin Intitusi Hal Ehwal Islam Negeri Selangor dalam misi bantuan banjir ke Kelantan, Kedah dan Terengganu telah menyerahkan sumbangan keseluruhan sebanyak RM598,600.

Bantuan tersebut adalah hasil sumbangan daripada agensi dan anak syarikat MAIS, seperti Baitulmal MAIS, Jabatan Pendakwaan Syariah Selangor, Lembaga Zakat

“Terima kasih kepada pihak MAIS kerana sentiasa prihatin dengan nasib rakyat Kelantan terutama kepada mangsa yang terlibat dengan banjir. Hanya Allah SWT sahaja yang mampu jasa kalian.”

Selangor, Perbadanan Wakaf Selangor, Bakti Suci Holding Sdn. Bhd, Teraju Ekonomi Asnaf SDN BHD serta Jabatan Agama Islam Selangor melalui Tabung Infak Jariah Umat Islam.

Selain itu, pihak MAIS juga menyediakan seramai 100 sukarelawan untuk melakukan kerja-kerja pembersihan di sekolah-sekolah yang terjejas akibat banjir.

